

Bahaya tindakan tidak sehaluan — PM

UM 21 MAR 1990

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Bahaya tindakan tidak sehaluan — I M

sederhana berbanding dengan negara - negara lain kerana Malaysia tidak berhasrat untuk muncul sebagai satu kuasa tetapi menegaskan "ia akan berkemampuan."

Dato' Sri Dr. Mahathir seterusnya menarik perhatian bahawa pada masa aman, semua pihak harus mengalihkan penyelidikan dan tenaga bagi kepentingan sejagat tanpa perang dingin.

"Pasaran bagi senjata akan menurun. Ia telahpun terjadi. Kita tidak perlu kesalkannya. Kemampuan tenaga, kewangan dan penyelidikan tidak akan membazir jika digunakan untuk kepentingan bukan ketenteraan," katanya.

Katanya, pasaran senjata dan sistem pengawasan sofistiked bagi memerangi penyeludupan khususnya najis dadah akan meningkat. Menurut beliau, sebagai contoh, pesawat radar AWACS digunakan oleh Amerika bagi tujuan tersebut.

Katanya, pasaran sistem pengawasan akan terus meningkat jika penggunaannya untuk memerangi penyeludupan diperluaskan la-

gi. UM 21 MAR 1990

Mengenai perletakan senjata PKM, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pasukan keselamatan tetap akan memelihara kemahiran dalam peperangan anti gerila walaupun ancaman bentuk gerila itu telah berakhir.

Katanya, tidak banyak negara yang berkebolehan untuk menumpaskan ancaman gerila komunis dan terbukti Malaysia adalah salah sebuah negara berkenaan.

Katanya, penekanan pertahanan Malaysia pada masa lepas adalah bagi menentang insurgensi pengganas komunis dan ia bukan merupakan peperangan yang memerlukan senjata yang sofistiked dan mahal.

Kira-kira 1,000 orang, kebanyakannya pemimpin firma pengeluar senjata dan kelengkapan pertahanan dan pegawai - pegawai kanan angkatan tentera hadir di majlis tersebut.

Antara kenamaan luar negeri yang hadir ialah Setiausaha Pertahanan Filipina, Jeneral Fidel Ramos, Menteri Pertahanan Indonesia, Tan Sri Benny Moerdani, Menteri Pertahanan kedua Singapu-

ra, Brig. Jen. Lee Hsien Loong, Panglima Angkatan Bersenjata Indonesia, Jeneral Try Sutrisno dan Panglima Angkatan Tentera Singapura, Mej. Jen. Tan Sri Winston Choo.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithauddeen, Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar Haji Mustapha, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Nasruddin Bahari, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hashim Mohd. Ali dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.

Pameran tersebut yang berlangsung selama empat hari di sini disertai oleh 400 buah firma dari 28 buah negara dan sempena pameran itu, satu persidangan "Pertahanan bagi pembangunan di Asia Pasifik akan diadakan selama dua hari mulai esok.

Selepas memukul gong menandakan perasmian pameran itu, Perdana Menteri dan para kenamaan telah menyaksikan demonstrasi terbang lintas pesawat pejuang Tornado di ruang angkasa PWTC.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, wilayah Malaysia bukanlah untuk dijual kepada sesiapa.

Katanya, Malaysia menyedari perlunya perairan dan wilayahnya dipertahankan dengan semampu yang boleh.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, negara juga menyedari keperluan ke arah kemampuan dalam bidang peperangan konvensional.

Katanya, kerajaan telah memutuskan jenis-jenis kelengkapan dan senjata yang diperlukan bagi tujuan tersebut, mengikut kemampuannya.

Menurut Perdana Menteri, persenjataan yang akan dibeli itu adalah agak

LIHAT MUKA 2

KUALA LUMPUR 20 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa sebarang percubaan atau tindakan yang tidak sehaluan dengan matlamat mengekalkan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) akan mendorong pihak luar untuk campur tangan di rantau ini.

Perdana Menteri berkata, jika keadaan itu berlaku, ia bukan sahaja akan merosakkan gagasan ZOPFAN bahkan menimbulkan bahaya kepada keselamatan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh negara - negara ASEAN selama ini.

Pertentangan kuasa

Katanya, Asia Tenggara hendaklah terus dikekalkan sebagai kawasan yang bebas dari medan konflik dan pertentangan kuasa besar bagi membolehkan pembangunan diteruskan.

Berucap merasmikan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 90 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia dan negara anggota ASEAN yang lain akan terus memperjuangkan konsep ZOPFAN supaya ia menjadi kenyataan di rantau ini.

"Bersama dengan rakan-rakan ASEAN, Malaysia juga akan berusaha memperjuangkan supaya rantau ini bebas dari nuklear," tegasnya.

Menyentuh dasar pertahanan negara, Perdana Menteri menegaskan bahawa persiapan pertahanan Malaysia adalah perlu semata-mata untuk memastikan kestabilan kemajuan ekonomi dan sosialnya sahaja.

"Kita bukan sebuah negara yang agresif dan kita tidak ada wilayah untuk dituntut," katanya.